



Dr. Arifah Binti Mohd Amin  
Pakar Obstetri & Ginekologi  
Pusat Perubatan Tropicana Kota Damansara



# Tiub Fallopio Rosak Jejas Kesuburan

Fina, seorang ibu berusia 27 tahun, sudah lama teringin untuk hamil lagi, sementelahan anak sulungnya, Fifi sudah mencecah usia enam tahun. Namun belum ada tanda-tanda yang menunjukkannya akan hamil. Selepas membuat pemeriksaan, ternyata, Fina menghadapi masalah saluran atau tiub fallopio tersumbat, dan, inilah yang antara punca dirinya sukar hamil.

Pembentukan organ pelvik adalah sangat sempurna dan lengkap. Ia melengkap tugas khususnya sebagai organ reproduksi wanita.

Setiap bahagian di organ pelvik ini mempunyai tugas khusus masing-masing.

Tidak terkecuali tiub fallopio, ia adalah laluan yang digunakan oleh telur ovum dan sperma atau zigot (telur yang bersenyawa) yang menghubungkan dua destinasi, iaitu dari

ovari ke rahim atau dari rahim ke ovari. Secara perkembangannya ia wujud berpasangan iaitu di bahagian kanan dan kiri.

Justeru, apabila terdapat sebarang masalah pada tiub fallopio atau kerosakan, lazimnya ia akan menyebabkan kesukaran untuk hamil, walaupun terdapat beberapa sebab lain yang boleh juga menyumbang kepada permasalahan ini.

## Sebab masalah tiub fallopio

Secara klinikal masalah yang dihadapi oleh tiub fallopio :

- Saluran tersumbat – gejala ini akan memungkinkan seseorang wanita akan menghadapi kesukaran untuk hamil. Jelas sekali kerana sperma tidak dapat bertemu dengan telur ovum wanita.
- Keradangan tiub fallopio – ini sangatlah berkait dengan jangkitan kuman di organ pelvik wanita. Jangkitan kuman ini juga

akan boleh menyebabkan tiub fallopio di bahagian yang terlibat tersumbat.

- Kanser - kanser tiub fallopio adalah tersangat jarang, namun masih tetap boleh berlaku
- Pembedahan - pembedahan dilakukan atas sebab-sebab yang tertentu. Kandungan luar rahim (kandungan di tiub fallopio) adalah antara sebab yang tertinggi pembedahan dilakukan.

Lazimnya, gejala, risiko dan rawatan adalah berbeza dengan permasalahan tiub fallopio yang berlainan.

Sekiranya seseorang mempunyai masalah kehamilan, sewajarnya laluan tiub fallopio diperiksa untuk mengetahui potensinya. Beberapa kaedah boleh dilakukan seperti *hysterosalpingogram*, kaedah laparoskopi mahupun 'HyCoSy'.

Keradangan tiub fallopio selalunya dipersembahkan dengan kesakitan di bahagian ari-ari berserta dengan demam pada suhu yang sangat tinggi. Seseorang mungkin tersalah diagnosis dengan keradangan apendiks sekiranya sakitnya berada di bahagian kanan. Bergantung kepada keadaan, pembedahan mungkin boleh dielakkan hanya dengan antibiotik sahaja. Namun sekiranya ia sudah bengkak dan tidak surut dengan hanya antibiotik, pembedahan pasti perlu dilakukan.

Kanser tiub fallopio boleh juga berlaku tanpa ada gejala. Namun sesetengah gejala yang perlu diambil kira adalah:

- Perdarahan yang banyak atau yang tidak teratur, terutamanya waktu menopause
- Sakit di bahagian bawah atau terasa ada tekanan dari dalam di bahagian pelvik
- Lendir. Boleh jadi berserta dengan darah atau berbau busuk
- Ketumbuhan di bahagian pelvik

### Rawatan yang diperlukan

Pemeriksaan rapi perlu dilakukan dan setelah didiagnosis rawatan bergantung kepada tahap kanser tersebut.

Pembedahan membuang tiub fallopio dikenali sebagai *salpingectomy*. Untuk mengeluarkan kedua-duanya pula dipanggil *salpingectomy* dua hala.

Satu lagi cara pembedahan yang menggabungkan membuang tiub fallopio dengan sekurang-kurangnya satu ovari pula dipanggil *salpingo-oophorectomy*. Sementara, pembedahan untuk membuang

halangan tiub fallopio pula dipanggil *tuboplasty*.

Seseorang wanita yang telah melakukan pembedahan ke atas tiub fallopionya tidak perlu takut untuk hamil semula walaupun risiko untuk berulang di bahagian yang normal boleh berlaku. Kehamilan dalam rahim boleh berlaku dalam 80-85% untuk mereka yang pernah melalui pembedahan tiub fallopio (sebelah sahaja). Namun sekiranya kedua-dua bahagian tiub fallopio telah dibuang, maka anda

dinasihati untuk meneruskan hajat kehamilan dengan kaedah IVF.

*Amennorhea* boleh memberi kesan negatif kepada tahap kesuburan seseorang wanita. Ramai wanita yang mengalami *Amennorhea* turut mempunyai masalah ovulasi.



**Keradangan tiub fallopio selalunya dipersembahkan dengan kesakitan di bahagian ari-ari berserta dengan demam pada suhu yang sangat tinggi. Seseorang mungkin tersalah diagnosis dengan keradangan apendiks sekiranya sakitnya berada di bahagian kanan.**